

10 Februari 2018

Sofi Jikan bebas reman

Sofi Jikan bebas reman

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PETALING JAYA - Selepas tiga hari direman berhubung kes narkotik, pelakon filem *KL Gangster*, Sofi Jikan dibebaskan dengan jaminan polis.

Sofi Jikan atau nama sebenarnya, Mohamad Shoffi Jikan disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) AKta Dadah Berbahaya 1952.

Pelakon itu didapati positif ganja ketika hadir memberi keterangan berhubung laporan polis dibuat pelakon, Datuk Farid Kamil Zahari, 37, pada 31 Januari lalu di Balai Polis Mutiara Damansara, Selasa lalu.

Dia dibawa ke Kompleks Mahkamah Petaling Jaya, jam 10.10 pagi dan keluar jam 11.40 pagi untuk dibawa ke Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Petaling Jaya.

Ditanya mengenai hubungannya dengan Farid Kamil, dia tidak mengulas panjang dan hanya berkata, "Hanya Tuhan yang tahu."

"Ini ujian ALLAH dan kita semua insan yang lemah. Tiada komen," katanya ringkas kepada media, semalam.

Pada 31 Januari lalu, Farid Kamil membuat laporan polis dengan mendakwa, terdapat tiga rakan artisnya menjadi dalang dengan meletakkan dadah ke dalam minumannya.



Sofi Jikan dibebaskan dengan jaminan polis selepas ditahan reman tiga hari untuk membantu siasatan setelah didapati positif dadah jenis ganja di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, semalam.

Sebelum ini media melaporkan Farid Kamil menyerang anggota polis dan orang awam di Balai Polis Trafik Damansara sebelum

disahkan positif ganja.

Beliau bagaimanapun menafikan tuduhan terhadapnya di mahkamah.